


Projek bertajuk ***Environmental Art di Malaysia*** telah disediakan oleh **Saizura binti Ngatap** dan telah disediakan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(En. Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani)

Tarikh: 10/5/2006

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan penulisan ilmiah projek tahun akhir ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada para pensyarah iaitu En.Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani selaku penyelia. En Zulkalnain B. Zainal Abidin, En Yakob Rafiee, En Awangko Hamdan Awang Arshad, En Anuar Ayob dan kerana memberi galakkan dan sokongan kepada saya dalam menyiapkan projek tahun akhir.

Seterusnya kepada semua kakitangan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) kerana telah memberikan kerjasama yang baik dalam menghasilkan karya.

Terima kasih buat keluarga di atas dorongan dan restu. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, dan kepada semua yang terlibat setinggi-tinggi terima kasih dirakamkan atas bantuan dan dorongan yang telah diberikan.

Sekian Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

Pengesahan	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Isi kandungan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Bab 1 Pengenalan	1 - 7
Bab 2 Analisis Pendekatan	8 - 39
2.1 Sejarah Perkembangan <i>Environmental Art</i>	8 - 12
2.2 Ciri – Ciri Yang Di Kategorikan Sebagai <i>Environmental Art</i>	13 - 14
2.3 Medium Yang Terlibat Dalam Menghasilkan Karya <i>Environmental Art</i>	15 - 20
2.4 Analisis Karya	21 - 30
2.5 Perkembangan Idea	31 - 37
2.6 Karya Peribadi	38 - 40
Bab 3 Kesimpulan	41 - 42
Lampiran	43 - 49
Bibiografi	50

ABSTRAK

Alam memberikan satu inspirasi kepada pengkarya. Kajian ini adalah melibatkan penggunaan bahan dan pendekatan yang harus ada untuk dikategorikan sebagai *Environmental Art*. Peranan seni dalam menjelaskan tentang alam semulajadi ini menitik beratkan penggunaan bahan dari sumber persekitaran. Kebanyakan idea yang diterjemahkan dapat menyampaikan mesej mengenai masalah alam atau proses persekitaran yang dipengaruhi oleh fenomena alam seperti kemarau dan banjir.

ABSTRACT

Nature give inspiration to the artist. This study involved the used of medium and approach required to be categorised as Environmental Art. The role of art in describing about nature emphas the usage medium from environment resources. Generally idea translated able to convey message regarding the surrounding or process that influenced by nature phenomena such as flood and earthquake.

BAB 1

Pengenalan

Seni ialah ciptaan manusia yang mengandungi keindahan. Seni mempunyai pelbagai wadah dan madah yang tercipta seusia dengan sejarah kehidupan manusia dan merupakan ciptaan manusia yang istimewa. Pelbagai aktiviti kreatif dapat dilakukan oleh insan yang meminati bidang seni seperti menghasilkan objek seni dua dimensi dan tiga dimensi. Seni dua dimensi ini adalah seperti lukisan iaitu satu hasil karya seni yang hanya dapat dilihat tetapi tidak dapat disentuh. Manakala seni tiga dimensi adalah lebih dikenali sebagai seni arca. Sesuatu bentuk arca mempunyai fungsi tertentu seperti arca jenis *environmental* yang lebih mengutamakan soal perhubungan antara pelbagai jenis pihak seperti penonton serta objek lain dalam ruang persekitaran yang luas.

Elemen alam sekeliling turut dijadikan sebagai satu hasil seni. Sebagai contohnya artis-artis di negara Barat sudah mula menggunakan konsep persekitaran sebagai suatu seni. Seni yang melibatkan alam sekeliling ini dikenali sebagai *Environmental Art*. Selain itu, ia juga dikenali dengan pelbagai nama seperti *Earth Art*, *Site Work*, *Site Art* atau *Land Art*. *Environmental Art* ini menggunakan bahan-bahan seperti batu, kayu, tanah, pasir dan pelbagai sumber semulajadi dalam penghasilan karyanya.

Apakah itu *Environmental Art*? Adakah semua orang memahami dan mengetahui apakah sebenarnya maksud di sebalik *Environmental Art*? Merujuk kepada Times Kamus Dwibahasa pada muka surat 177, *Environmental* adalah berkenaan dengan persekitaran dan alam sekeliling. Manakala di dalam Glosari

Seni Lukis Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur 1993 muka surat 66, *Environmental Art* pula merupakan seni yang menggunakan ruang sebenar dan melibatkan persekitaran (seni persekitaran). Sebagai contoh karya “Blue River” oleh artis John Dahlsen yang menggunakan beg plastik yang dikutip di pantai sebagai salah satu media dalam karyanya. Bukan sahaja ia mampu mempamerkan kecantikan semulajadi media tersebut di atas karyanya tetapi turut menyampaikan mesej kitar semula beg plastik. Ia jelas menunjukkan yang bahan-bahan daripada alam persekitaran yang kita sering kali menganggap sebagai sampah mampu menampakkan keunikannya masing-masing melalui *Environmental Art*

Berdasarkan kepada Dictionary of Art Terms muka surat 76, *Environmental Art* bermaksud

“*Term used from the late 1950s for a three-dimensional work of art, often of a temporary nature, while the view can enter(although in practice exhibiting authorities often prevent this) Ed Kienholz has produced many works of this type*”.

Menurut Groveart (2000) dalam *The Grove Dictionary of Art* pula, *Environmental Art* merupakan seni bentuk berdasarkan teori satu kerja seni yang merangkumi jumlah seni bina yang difikirkan sebagai ruang yang lengkap daripada dikurangkan objeknya semata-mata digantung pada dinding atau ditempatkan dalam satu ruang.

Terdapat juga artikel dari *The Centre For Contemporary Art and The Natural World*, oleh Adam C (2004) yang menyatakan *Environmental Art* dalam erti kata umum adalah seni yang membantu dalam meningkatkan hubungan manusia dengan dunia semulajadi. Tiada definisi yang khusus buat masa kini. Pergerakan kehidupan sedunia adalah berkembang dan berubah. Kebanyakan karya adalah tidak kekal lama dan diubah suai kedudukannya yang mana ianya melibatkan hubungan antara artis atau pengkarya dan lain-lain seperti saintis dan pengajar.

Satu lagi sumber yang menjelaskan maksud *Environmental Art* oleh Ocvirk *et. al* (1990) yang menerangkan bahawa seni ini melibatkan persekitaran yang mengelilingi spektator iaitu penonton atau pemerhati. Karya seni menjadi sebahagian daripada kehidupan berbentuk buatan yang dilengkapkan oleh spektator-spektator disebabkan tekanan yang diletakkan pada sekeliling buatan tersebut. Pengkarya-pengkarya seni ini mempercayai bahawa bukan sahaja apa yang dilihat oleh spektator diambil kira dalam karya-karya seni tetapi ianya juga merangkumi diri spektator itu sendiri iaitu badan-badan fizikal dan deria-deria sentuh, bau dan pendengaran.

Secara umumnya *Environmental Art* adalah seni yang membantu dalam meningkatkan hubungan manusia dengan alam semulajadi. Seperti mana yang kita sedia maklum, alam semulajadi mempunyai pelbagai kegunaan dari segi kajian ilmu alam hingga ke penerokaannya. Manusia sedar bahawa alam itu sentiasa memberi penghayatan kepada roh dan jiwa. Melalui pemahaman inilah telah memberikan satu sumber inspirasi dan ilham kepada pengkarya seni untuk

menghasilkan karya dengan menggunakan alam semula jadi sebagai medium utama. Pembentukan hasil karya ini boleh dihasil dalam bentuk 2 dimensi (2D) dan 3 dimensi (3D).

Kesimpulannya, melalui maklumat yang diperolehi diatas dapatlah disimpulkan bahawa *Environmental Art* ini merupakan seni yang merangkumi melibatkan persekitaran, menggunakan ruang sebenar, yang mengelilingi spektator iaitu penonton atau pemerhati, tidak kekal lama dan boleh dihasilkan dalam bentuk 2D Dan 3D.

Dalam konteks seni di timur, pengkarya yang berkemahiran dan berfikiran kreatif telah pun melihat alam sebagai objek yang boleh dipinjam dan diperhalusi dalam pelbagai bentuk seni tradisi contohnya seni ukir yang menggunakan elemen kayu sebagai medium utama. Selain seni ukir, seni-seni lain seperti seni anyaman menggunakan elemen daun dari alam semulajadi untuk dijadikan tikar dan juga tembikar atau seni seramik yang diperbuat dari elemen tanah liat. Menerusi ini tidak dapat disangkal lagi bahawa alam dan manusia saling berkaitan.

Antara artis-artis yang terlibat dalam *Environmental Art* ini adalah Kurt Schwitters (1887-1948), seorang pengkarya dari Hanover, Jerman dengan teknik karyanya yang dipanggil “Merz”. Tujuannya adalah untuk mengaitkan tarian, teater, seni visual, puisi-puisi dan persembahan. Selain itu, Marcel Duchamp juga merupakan salah seorang pengkarya seni yang terlibat dalam *Environmental Art* yang mana beliau telah mencipta karya *Environment* pada 20 dekad yang pertama.

Sekitar tahun 1960 dan 1970-an pengkarya yang terlibat dalam bidang seni ini telah mula dihargai dengan memperbaharui bentuk-bentuk seni. Selain itu, Lucas Samaris (b. 1936) juga merupakan salah seorang pengkarya yang menghasilkan karya *Environmental Art*. Karya beliau yang bertajuk “Mirrored Room”, 1966, *Mirrors on wooden frame*, bersaiz $8 \times 8 \times 10 \text{ ft}$ ($2.44 \times 2.44 \times 3.05$) adalah satu contoh yang baik dan khususnya untuk bentuk satu *Enviroment* juga dipanggil *Site Work or Site Art*. Christo (b. 1935) dan Jeanne-Claude pula adalah diantara pengkarya yang dikenali umum disebabkan oleh aktiviti antarabangsanya yang menghasilkan *Earth Art or Site Art*. Christo dan Jeanne-Claude meneruskan penjelajahan persekitaran daripada pakej udara yang terbesar (*Balloons of 280 ft. height suspended by cables*) di *New York City* (*Whitney Museum*) dan *Jerman* 1968 pada persekitaran pantai Florida.

Perintis kepada *Earth Art* adalah Robert Smithson (1938-73) seorang pengukir batu yang mana karya beliau “Spiral Jetty”, dicipta di *Great Salt Lake, Utah* pada tahun 1970-an. Ia merupakan bahagian penting dalam persekitaran berskala besar. Minimalist juga menekankan pada skala besar terhadap bentuk-bentuk karya yang membantu membimbing kepada pembentukan cabang-cabang *Environmental Art* yang juga di kenali sebagai *Site Art dan Earth Art*.

Pada tahun 1967, pengkarya Claes Oldenburg telah menggali lubang-lubang yang dalam di *New York's Central Park* yang dinamakan “Invisible Scuptures” . Micheal Heizer (b. 1944) menggali 5×12 kaki parit yang disusunkan dengan kayu

dalam *Black Rock Desert of Nevada* pada 1969. Konsepnya adalah “ Bigger is Better”. Ianya lebih kepada kerja-kerja tanah, penggunaan pengangkutan seperti kren-kren atau jentera pengangkut dan kuasa penolakan yang digunakan oleh pengkarya untuk menghasilkan karya mereka.

Dalam penghasilan karya seni ini, pengkarya menggunakan pelbagai cara untuk mempamerkan hasil karya mereka. Selain daripada dipertontonkan secara umum, karya ini dipamerkan dalam bentuk dokumentasi seiring dengan perkembangan teknologi samada dalam bentuk fotografi atau video. Contohnya seperti karya Richard Long yang bertajuk “Long Six Stone Circles” pada tahun 1981 menggunakan teknik fotografi sebagai pendokumentasian karya. Ini adalah kerana kebanyakan hasil karya yang dibuat memerlukan ruang persekitaran yang luas dan secara tidak langsung memonopoli ruang dalam galeri. Selain daripada itu, salah satu sebab mengapa pengkarya-pengkarya membuat karya di luar adalah untuk melarikan diri dari kedominan dan sikap menghormati yang ditunjukkan kepada galeri. Karya yang dihasilkan lebih kepada bentuk pemasangan. Karya yang menggunakan bahan dan koleksi seperti kayu, tali, kain, besi dan sebagainya yang bersaiz besar memenuhi ruang adalah mustahil diletakkan didalam galeri kerana saiznya memonopoli ruang dalam galeri tersebut.

Namun begitu *Environmental Art* ini kurang popular dikalangan pengkarya seni tempatan disebabkan oleh pengasingan kerja-kerja, kurangnya kehadiran umum dan keperluan kos yang sangat tinggi. Antara faktor kurangnya seni ini mendapat tempat dan tidak meluas di Malaysia adalah kerana hasil karya sebegini

hanya berbentuk sementara dan tidak kekal. Di samping itu, kecenderungan pengkarya di Malaysia pada masa kini adalah lebih kepada budaya di Malaysia.

Kebanyakan pandangan disampaikan oleh pengkarya muda tidak wujud dari naluri dan nostalgia diri semata-mata tetapi adalah dari tindakbalas atau cermin kepada keadaan sosio-ekonomi dan politik negara. Pada tahun 1980-an pula, tumpuan lebih menyentuh kepada isu realiti kehidupan. Malahan, ketandusan isu dalam karya pengkarya *Environmental Art* tidak mendapat tempat di Malaysia kerana kurang meluasnya kefahaman mengenai konsep *Environmental Art* tersebut.

Oleh yang demikian objektif kajian ini adalah ingin memperluaskan penghasilkan karya seni tampak di Malaysia. Ini adalah kerana dengan menggunakan medium semulajadi secara tidak langsung kita dapat memberi penghayatan kepada alam semulajadi dan sekaligus dapat menggalakan lagi **Dalam penghasilan di Malaysia**, pengkarya telah menggabungkan bahan semulajadi seperti batu, tanah liat dan tanah merah dalam karya.

Secara kesimpulannya disini dapat kita lihat bahawa seni itu sesuatu yang luas tidak hanya tertumpu kepada penggunaan cat minyak ataupun kanvas tetapi elemen alam semula jadi juga boleh menghasilkan satu karya seni yang menarik. Perubahan atau fenomena alam yang berlaku secara semulajadi dapat menghasilkan kesan yang menarik tanpa perlu diolah dengan tindakan manusia.

BAB 2

Analisis Pendekatan

2.1 Sejarah perkembangan *Environmental Art*

Sejak dari zaman pra-sejarah, masyarakat telah mula membuat perubahan terhadap persekitaran, membentuk peralatan mereka daripada batu, dan lukisan pada dinding gua mencari cara untuk berhubung dengan alam semulajadi. Sejak itu, artis dan pereka telah dipengaruhi dengan imej, warna, struktur dan sistem semulajadi di sekitar mereka. Hickey menyatakan ;

“that painting obsessed with the idea of ‘ground’ and sculpture with the logistics of ‘grounding’ would eventually”(Kastner & Wallis, 1998 pg.197)

Semasa pergolakan politik dan sosial pada tahun 1960 an, sekumpulan artis dari Amerika dan Eropah mula bertanya tentang had batasan sesebuah lukisan dan membuat eksperimen menerusi kedah radikal di mana ia berhubung dengan persekitaran dan ekologinya. Artis bukan sekadar mengecat lanskap tetapi pengalaman mereka disedarkan dengan mengukir tanah itu sendiri menggunakan turutan fotografî dan hasil seni ukiran yang diperbuat daripada media semulajadi.

Sejak tahun 2000, dunia bimbang terhadap masalah persekitaran seperti pencemaran, masalah suhu dunia, AIDS dan masalah spesis yang semakin pupus.

Lantaran daripada itu, artis mula bertindak balas dan memainkan peranan aktif dan praktikal dalam menangani masalah persekitaran dan sosial.

Menurut Ocvirk *et al* (1990), perkembangan *Environmental Art* berkembang dari aliran *Assamblage*, *Pop* dan *Minimalism*. Pengkarya percaya bahawa tidak hanya visi pemerhati dikecimpungkan dalam karya-karya seni tetapi merangkumi keseluruhannya.

Dalam aliran *Minimalism* yang bermula pada tahun 1950-an, terkandung elemen-elemen seperti bentuk, garisan serta elemen formal lain. Aliran tersebut telah mengubah bentuk karya kiub oleh David Smith dalam bentuk yang jelas melalui penggunaan bentuk geometri ringkas yang dapat dilihat dalam bentuk berulang-ulang. Kebiasaan aliran ini popular menggunakan besi dan pengimpalan (*welding*) sebagai material dalam penghasilan karya. Sebagai contohnya, dengan menghasilkan ruang yang ringkas dan bersaiz besar, Donald Judd (1928-94) telah menghasilkan satu siri pengulangan kotak-kotak kemudian menukar kepada seni ukiran yang besar dan menggunakan kotak-kotak konkrit.

Pada tahun 1970-an apabila banyak hasil ciptaan menggunakan teknik pengulangan pada bahagian terbuka, ianya diklasifikasikan sebagai *site work* atau *site art*. Cabang dari aliran ini merangkumi bentuk ruang terbuka dan tertutup. Perbezaan utama daripada ruang tertutup dapat dilihat pada saiz penggunaan ruang, garisan lurus dan bengkok yang kadangkala ukiran ini kelihatan seperti menambahkan ruang dan pada masa yang sama saling berkait antara satu sama

lain. Ruang terbuka pula menghasilkan persekitaran luar seperti monumen *Public Art* di taman atau berkait dengan seni bina. Ianya dapat dilihat pada hasil karya Lila Katzen, Orancle, 1974. *Corten and Stainless Steel*, 11 x 17 x 5 ft (3.55 x 5.18 x 1.52 m). Kebanyakan hasil kerja ini mempunyai impak terhadap umum. Bagi ahli yang baru menceburkan diri dalam aliran ini mereka lebih berkemampuan dan kreatif dalam menghasilkan karya. Kekurangan dalam aliran ini adalah dari segi reaksi atau cadangan yang diperolehi daripada umum tentang hasil karya yang dihasilkan.

Manakala aliran *Pop Art* pula bermula pada tahun 1960-an iaitu seni popular yang dipengaruhi oleh frekuansi untuk mempamerkan satu objek biasa berkembang di United States pada tahun 1950-an. Imej dipopularkan dengan menggunakan multimedia pengiklanan. Komunikasi multimedia mempengaruhi kehidupan seharian. Kebiasaan aliran ini adalah reaksi terus dan melibatkan seni yang berkaitan dengan pemikiran seperti *Abstract Expressionism* dan *Post - Painterly Abstraction*.

Oldenberg telah menghasilkan karya yang berkonsepkan percangahan skala dan pada umumnya ianya adalah realiti yang melalui pelbagai fasa dimana ianya telah mengubah hasil karya dari *painted plaster* kepada *soft materials*. Hasil karya yang telah diolah daripada persekitaran yang asal telah dipamerkan pada umum. Konsep persekitaran sangat penting dalam tahun 1960-an. Hal ini berterusan ke tahun 1970-an dan 1980-an dengan pembaharuan yang lebih berkesan.

Selain itu juga sejajar dengan aliran pop di United States, telah muncul budaya unik yang mengkaji kehidupan masyarakat Amerika melalui fotografi diperkenalkan oleh Robert Frank dalam jurnal yang bertajuk "The Americans" (1956) dan direkodkan pada tahun 1955. Beliau mengambil pengambaran terus tentang aktiviti harian di situ. Hasil daripada karya tersebut mengambarkan tentang kehidupan manusia yang berubah-ubah serta peranan persekitaran.

Pertembungan antara budaya tradisi dengan pengaruh barat adalah salah satu aspek dalam kehidupan masyarakat tempatan pada hari ini. Pengkarya tempatan mula menggunakan teknik dan pendekatan yang berasal dari barat akibat pemodenan luas yang di gerakkan oleh penjajahan seabad terdahulu.

Pendidikan barat membawakan pendekatan-pendekatan yang analitikal dalam mencari ilmu muncullah cara-cara baru dalam persepsi budaya yang baru dalam menghayati dan memahami alam dan realiti. Minat yang ditunjukkan oleh pengkarya pekara-pekara naturalisme yang dibawa oleh barat menjadi petanda cara baru mengamati alam sekeliling mereka. Ianya suatu pendekatan yang berasaskan pemerhatian dan peniruan alam dan realiti dari pendekatan terdahulu yang berasaskan kepada hal-hal keagamaan dan simbol-simbol.

Namun begitu *Environmental Art* kurang popular di Malaysia kerana kebanyakkan pandangan disampaikan oleh pengkarya muda tidak wujud dari naluri dan nostalgia diri semata-mata tetapi adalah dari tindakbalas atau cermin

kepada keadaan sosio-ekonomi dan politik negara. Pada tahun 1980-an pula, tumpuan lebih menyentuh kepada isu realiti kehidupan. Malahan, ketandusan isu dalam karya pengkarya *Environmental Art* tidak mendapat tempat di Malaysia kerana kurang meluasnya kefahaman mengenai konsep *Environmental Art* tersebut.

Kesimpulannya disini setelah dikaji makna dan sejarah *Environmental Art* bab yang seterusnya adalah mengenai ciri-ciri, media dan bahan yang harus ada untuk dikategorikan sebagai *Environmental Art* supaya lebih memahami lebih mendalam makna tersirat tentang kajian tersebut.

2.2 Ciri-ciri yang dikategorikan sebagai *Environmental Art*

Bagi mengkategorikan sesuatu karya itu *environmental* atau tidak, ianya bergantung pada media, teknik dan kesan ruang pada karya tersebut. Jika sumber karya yang digunakan adalah berdasarkan alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan, kayu-kayan, dan batu-batan, ia boleh dianggap bersifat *environmental*. Selain itu penggunaan sumber-sumber seperti bahan buangan plastik, logam dan tin-tin aluminium juga turut menyumbang kepada termasuknya kategori ini.

Seterusnya ruang memainkan peranan penting dalam menghasilkan karya berbentuk *Environmental Art* ini. Foucault menyatakan :

“ *space is the fundamental in any form of communal life; space is fundamental in any exercise of power*”(Kastner & Wallis,1998 pg.202).

Ianya memerlukan sesuatu ruang khusus dan bersesuaian. Kadangkala memerlukan banyak lokasi. Ianya adalah karya yang berbentuk sementara dan direkodkan.

Environmental Art merupakan seni yang memperbaiki hubungan kita dengan alam semulajadi. Artis di seluruh dunia menghasilkan pelbagai projek yang menyampaikan mesej masalah persekitaran. Kebanyakan projek dibina khas untuk sesuatu tempat dan melibatkan kerjasama antara artis dan pakar sains, pendidik,

pengurus sumber dan kumpulan komuniti. Sesetengah *Environmental Art* menterjemahkan semulajadi, menghasilkan kerja seni yang memberitahu kita tentang alam semulajadi dan prosesnya atau tentang masalah persekitaran yang tengah kita hadapi. Friedman menyatakan :

“Environmental Art remains an art form that must-in other to be successful-deal with all the external conditional, physical and socio-cultural, which can influence an individual or a group”.(Kastner & Wallis, 1998 pg. 196).

Environmental Art juga berkenaan dengan kuasa semulajadi dan bahan di mana hasil seni yang dihasilkan dipengaruhi atau datangnya daripada angin, air, kilat dan gempa bumi. Melalui seni persekitaran, kita dapat menangani masalah persekitaran di samping dapat membantu kita memperbaiki eko-sistem.

2.3 Media / medium yang terlibat dalam menghasilkan karya *Environmental Art*

2.3.1 Definisi medium

Penggunaan medium / teknik adalah penting dalam menghasilkan karya *Environmental Art*. Penggunaannya dapat memberi impak yang lebih berkesan untuk penghasilan karya dalam menterjemahkan idea kepada orang ramai.

Menurut kamus Times Dewibahasa medium dertikan sebagai sederhana, pertengahan sedang, perantaraan dan bahantara.

Menurut kamus Glosari Seni Lukis medium bermaksud bahan yang digunakan oleh pelukis untuk menghasilkan karyanya (bahantara).

Medium mempunyai beberapa makna, menurut kamus Federal – Chamber Advanced Dictionary 2000, medium seperti

- i) (medium or media) a medium is way of comunicating new or information eg. Television or radio a way of expressing something such as a painting (pengantara ; bahantara)
- ii) A medium is also a person who claims they can communicate with the spirits of dead people (perantara, medium)

- iii) Medium describes things that are roughly half way between two extremes, especially of qualities such as size so are reciter large or small (sederhana, sedang)

Didalam konteks seni medium membawa kepada makna iaitu merujuk kepada

- i) Bahan (teknikal) yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu hasil seni seperti cat minyak dan arang dalam menghasilkan lukisan.
- ii) Medium penyampaian (alat komunikasi) yang merupakan sebuah cara dalam menyampaikan maklumat dan mesej tertentu sama ada bertujuan untuk mengkritik atau memberi kesedaran kepada pemerhati atau masyarakat terhadap pelbagai isu ketidak puas hatian terhadap apa yang ingin disampaikan.


Merujuk kepada makna medium diatas, medium bermaksud bahan pengantaraan atau bahantara yang dijadikan sebagai alat untuk menyampaikan maklumat atau komunikasi. Disamping itu medium juga merujuk kepada saiz sesuatu objek atau barang tertentu.

Media yang bersesuaian memainkan peranan penting dalam menghasilkan sebuah karya. Pengalikasian sumber semulajadi merupakan eleman asas dalam karya *Environmental Art*. Noguchi menyatakan;

“a fine balance of spirit with matter can only concur when the artist has so thoroughly submerged himself in the study of the unity of nature as to truly become once more a part of nature- a part of the very earth, thus to view the inner surface and the life elements” (Kastner & Wallis,1998,p.206)


Antara media yang digunakan dalam seni ini adalah berasaskan bahan semulajadi dan apa yang ada di sekeliling kita. Media yang terdiri daripada bahan semulajadi adalah seperti batu, pasir, kayu dan air. Manakala bahan yang dijumpai di serata tempat seperti plastik, botol, dan sebagainya merupakan bahan yang sering di jumpai di sekeliling kita dimana ia adalah bahan buangan manusia yang boleh dikitar semula untuk dijadikan penghasilan karya.

Melalui pengeksploitasi bahan boleh menghasilkan karya yang menarik. Contohnya dalam penghasilan karya berikut




Kristian Simolin


lume – delusion (1998, enviromental art)



Zakary Zide
Blue Sand Hole
July 2, 2000
Galapagos, Ecuador



Zakary Zide
Floating Rocks
June 24, 2001
Utah



Andy Goldsworthy

Ice pieces

7-8/10-11Jan, 1987

Kebiasaanya, media ini didapati di sekitar kita dan mampu memperlihatkan sesuatu yang unik dan dapat menyampaikan mesej tersirat.

Melalui analisis ini dapatlah disimpulkan bahawa apa yang ada di sekeiling kita memberikan suatu keunikan yang tersendiri. Pengolahan karya dalam seni akan memberi impak yang baik kepada masyarakat sebagai suatu penghayataan.

Terdapat beberapa teknik yang digunakan dalam penyampaian hasil seni ini dan antaranya adalah teknik fotografi. Teknik ini digunakan sebagai pendokumentasian karya dan diaplikasikan disebabkan kebanyakan hasil karya yang dibuat memerlukan ruang persekitaran yang luas. Ini adalah kerana secara tidak langsung hasil karya tersebut juga akan memonopoli ruang dalam galeri. Pemilihan teknik ini sesuai kepada karya yang dihasilkan yang lebih kepada bentuk